Shell Malaysia Trading Sdn Bhd lwn Hijrah Agency

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — RAYUAN SIVIL NO 02–07 TAHUN 2005
AHMAD MAAROP H
14 MAY 2006

Undang-Undang Kontrak — Estopel — Estopel melalui perbuatan — Defendan pertama berhutang terhadap plaintif — Defendan kedua mengambil alih hutang dan liabiliti defendan pertama — Sama ada defendan pertama masih perlu menjelaskan hutang terhadap plaintif — Sama ada plaintif telah membuat representasi kepada defendan pertama — Sama ada doktrin estopel timbul

Plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang di Malaysia. Defendan pertama adalah Hijrah Agency dan perniagaannya adalah pengedaran dan penjualan, antara lain, minyak motor dan gas, dan defendan kedua adalah Hijaz Lubricant Sdn Bhd. Di atas permintaan defendan pertama, plaintif telah menjual barangannya kepada defendan pertama yang bertindak sebagai pengedar 'high street' bagi plaintif kepada peruncit-peruncit di Terengganu. Defendan pertama gagal menjelaskan jumlah sebanyak RM223,239.39 yang merupakan amaun tertunggak bagi jumlah keseluruhan barangan yang dibekalkan oleh plaintif dan oleh itu plaintif telah menamatkan perkhidmatan defendan pertama pada 5 Januari 2001. Untuk menggantikan defendan pertama, plaintif telah melantik defendan kedua, di atas terma-terma yang terkandung dalam P3 yang menyatakan, antara lain, bahawa defendan kedua dikehendaki menjelaskan hutang defendan pertama dan kesemua liabiliti defendan pertama diambil alih oleh defendan kedua. Defendan kedua mengakui terma-terma tersebut tetapi gagal membuat bayaran, dan pada 26 Februari 2001, plaintif telah menamatkan perkhidmatan defendan kedua. Plaintif telah menyaman kedua-dua defendan untuk jumlah tersebut dan telahpun memperolehi penghakiman ingkar terhadap defendan kedua. Defendan pertama pula telah menegaskan bahawa berdasarkan kepada keadaan-keadaan kes ini, plaintif telah diestop daripada memungut hutang daripada defendan pertama dengan merujuk kepada P3. Perkara-perkara tersebut menunjukkan bahawa terdapat unsur 'detriment' kepada defendan pertama yang membangkitkan estopel. Plaintif pula menegaskan bahawa P3 adalah perjanjian di antara defendan kedua dan plaintif dan tidak melibatkan defendan pertama, dan lagipun defendan pertama gagal membuktikan sebarang 'inducement' atau representasi daripada plaintif kepadanya. Oleh itu, hutang defendan pertama kepada plaintif tidak terhapus.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos:

(1) Tujuan defendan kedua ditubuhkan adalah untuk mengambil alih sepenuhnya perniagaan sebagai 'high street distributor' daripada defendan pertama. Defendan kedua telah bersetuju untuk membayar bagi pihak defendan pertama kesemua hutang defendan pertama kepada plaintif. Mahkamah tidak bersetuju bahawa keseluruhan perkiraan dalam P3 adalah tertakluk kepada 'strict compliance' oleh defendan kedua atau bahawa defendan pertama hanya akan terlepas daripada liabilitinya bagi hutang tersebut hanya selepas defendan kedua mematuhi kesemua terma-terma dalam P3. Cadangan balas plaintif di dalam P3 telah merupakan kehendak, pendirian dan sikap plaintif yang telah disampaikan kepada defendan kedua ditujukan secara tidak langsung kepada defendan pertama (lihat perenggan 18–19 & 21).

(2) P3 telah dibuat dengan tujuan untuk menyelesaikan hutang defendan pertama dengan plaintif. Walaupun defendan pertama dan kedua adalah dua entiti undang-undang yang berasingan, pada hakikatnya pemain utama dalam kedua-dua entiti itu adalah sama. Menurut syarat pertama P3, plaintif telah bersetuju bahawa kesemua hutang defendan pertama dibayar oleh defendan kedua. Setelah mengenakan syarat-syarat seperti yang terkandung dalam dalam P3 adalah tidak adil bagi plaintif menuntut lagi wang RM223,239.39 tersebut daripada defendan pertama (lihat perenggan 22–28).

(3) Defendan pertama telah mengemukakan keterangan yang membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa ia telah dipengaruhi untuk memberikan persetujuan kepada P3 dan bertindak atas anggapan bahawa hutangnya kepada plaintif telah diambil alih dan dibayar oleh defendan kedua. Dalam keadaan sedemikian adalah tidak adil bagi plaintif, yang juga telah pun memperolehi penghakiman bagi hutang itu daripada defendan kedua, dibenarkan untuk menghendaki defendan pertama membayar hutang itu (lihat perenggan 34).

[English summary

The plaintiff was a company incorporated under the Malaysian laws. The first defendant was Hijrah Agency and its business was distributing and selling, inter alia, motor oil and gas, and the second defendant was Hijaz Lubricant Sdn Bhd. Upon the first defendant's request, the plaintiff had sold their product to the first defendant who had acted as a high street distributor for the plaintiff to the retailers in Terengganu. The first defendant failed to settle the sum of RM223,239.39 which was the total outstanding amount for the products supplied by the plaintiff and therefore the plaintiff had terminated the first defendant's services on 5 January 2001. In replacing the first defendant, the plaintiff had appointed the second defendant based on the

terms stipulated in P3 which stated, inter alia, that the second defendant is required to settle the first defendant's debts and that the second defendant was to take over all the liabilities of the first defendant. The second defendant admitted to the said terms but defaulted in its payment and on 26 February 2001, the plaintiff terminated its services. The plaintiff sued both the defendants for the said sum and had already obtained a judgment in default against the second defendant. The first defendant asserted that based on the circumstances of the case and referring to P3, the plaintiff was estopped from collecting the debt from the first defendant. The said circumstances showed that there was an element of detriment upon the first defendant who raised estoppel. The plaintiff asserted that P3 was an agreement between the second defendant and the plaintiff and it did not involve the first defendant, and furthermore the first defendant had failed to establish any inducement or representation from the plaintiff towards it. Therefore, the first defendant's debt to the plaintiff had not been written off.

Held, dismissing the claim with costs:

(1) The purpose for which the second defendant was incorporated was to take over entirely from the first defendant the business as high street distributor. The second defendant had agreed to pay the first defendant's debt on behalf of the first defendant to the plaintiff. The court disagreed that the entire terms of P3 were subjected to the strict compliance by the second defendant or that the first defendant would only be released from its liability on the said debt only after the second defendant had complied with all the terms of P3. The plaintiff's counter proposal in P3 was the plaintiff's demands, standpoint and attitude which was directed to the second defendant and indirectly to the first defendant (see paras 18–19 & 21).

(2) P3 was made for the purpose of settling the first defendant's debt with the plaintiff. Although the first and second defendants were two separate legal entities, in fact the main players in both entities were the same. According to the first condition in P3, the plaintiff had agreed that all of the first defendant's debts was to be paid by the second defendant. After imposing the conditions as contained in P3, it was unfair for the plaintiff to claim the said sum of RM223,239.39 from the first defendant (see paras 22–28).

(3) The first defendant had adduced evidence which had established on the balance of probabilities that it was influenced to agree to P3 and acted on the presumption that its debts to the plaintiff had been taken over and paid by the second defendant. In such circumstances, it was not fair

for the plaintiff, who had also obtained judgment for the said debt from the second defendant be allowed to require the first defendant pay the said debt (see para 34).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai estopel melalui perbuatan, see 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) paras 3531–3542.

Kes-kes yang dirujuk

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysia Merchant Bank Bhd [1995] 3 MLJ 331 (dirujuk)

Housing And Development Board v Lee Sem Yoong Sdn Bhd [1987] 2 MLJ 204 (dirujuk)

Lai Yoke Ngan & Anor v Chen Teck Kwee & Anor [1997] 2 MLJ 565 (dirujuk)

Sykt Pakar Kayu & Perdagangan Sdn Bhd v MAA-SK Sdn Bhd [1986] 1 CLJ 595 (dirujuk)

Tolhurst v Association Portland Cement Manufacturers (1900) Ltd [1902] 2 KB 660 (dirujuk)

Shaikh Abdul Saleem Shaikh Karim (Shaikh David Raj) bagi pihak plaintif. Zamani Mohammad (Zamani Mohammad & Co) bagi pihak defendan.

Ahmad Maarop H:

FAKTA-FAKTA RINGKAS KES INI

[1] Fakta-fakta yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam kes ini (seperti yang terdapat dalam kandungan 31) mendedahkan fakta-fakta ringkas kes ini. Fakta-fakta yang telah dipersetujui itu adalah seperti berikut:

(1) Plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dengan alamat berdaftar di Bangunan Shell, off Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

(2) Perniagaan syarikat defendan pertama adalah pengedaran dan penjualan, di antara lain, minyak motor dan gas yang dijalankan oleh Rashid bin Omar yang beralamat di No 1090, Kampung Bukit Datu, 21200 Kuala Terengganu, Hussin bin Ismail yang beralamat di No 97, Kg Tembakang, Bt Payong, 20400 Marang, Terengganu, dan Mohd Nor bin Embong yang beralamat di Kampung Rusila, Belakang Masjid Rusila, 21600 Marang Terengganu di dalam perkongsian yang beralamat di No 484, Jalan Sultan Mohamad, Gong Kapas, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu.

(3) Di atas permintaan defendan pertama, plaintif telah menjual barangannya, antara lain, termasuk minyak motor, kepada defendan

pertama. Defendan pertama yang bertindak sebagai pengedar 'high street' bagi plaintif kemudiannya akan menjual dan mengedar barangan plaintif kepada peruncit-peruncit di Terengganu.

(4) Defendan pertama enggan membayar kepada plaintif jumlah sebanyak RM223,239.39 yang didakwa oleh plaintif sebagai amaun tertunggak daripada defendan pertama bagi jumlah keseluruhan barangan yang dibekalkan kepada defendan pertama.

(5) Plaintif melalui surat bertarikh 5 Januari 2001 kepada defendan pertama, menamatkan perkhidmatan defendan pertama sebagai pengedar 'high street'.

(6) Plaintif bersetuju untuk melantik defendan kedua sebagai pengedar 'high street' bagi plaintif untuk menggantikan defendan pertama di atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu. Terma-terma tersebut terbukti di dalam surat bertarikh 6 Ogos 2000 daripada defendan kedua kepada plaintif dan surat bertarikh 7 Ogos 2000 daripada plaintif kepada defendan kedua yang mana, inter alia, adalah seperti berikut:

(a) Defendan kedua hendaklah menjelaskan kesemua hutang defendan pertama kepada plaintif melalui pembayaran bulanan secara progresif sebanyak RM15,000 dengan baki yang akan dibayar selepas 31 Disember 2000.

(b) Perlantikan defendan kedua sebagai pengedar 'high street' adalah tertakluk kepada enam bulan tempoh percubaan.

(c) Sebarang kegagalan mematuhi syarat (a) dan (b) akan menyebabkan penamatan perlantikan defendan kedua sebagai pengedar 'high street'.

(d) Kesemua liabiliti defendan pertama akan juga menjadi liabiliti-liabiliti defendan kedua.

(e) Defendan kedua akan terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai kepada perlantikan defendan pertama.

(f) Pemungutan bayaran-bayaran daripada pasaran akan dibuat oleh defendan kedua bagi pihak defendan pertama.

(7) Defendan kedua telah melalui surat bertarikh 12 Februari 2001 mengaku berhutang kepada plaintif dan mencadangkan jadual pembayaran untuk pembayaran semula amaun tertunggak oleh defendan pertama dan defendan kedua.

(8) Walau bagaimanapun, defendan kedua tetap gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar amaun tertunggak sama ada daripada defendan kedua atau defendan pertama kepada plaintif.

(9) Plaintif seterusnya melalui surat bertarikh 26 Februari 2001 kepada defendan kedua, telah menamatkan perlantikan defendan kedua sebagai pengedar 'high street' yang berkuatkuasa serta merta.

(10) Plaintif menuntut jumlah tertunggak, sebanyak RM223,229.59 daripada defendan pertama melalui surat tuntutan yang dikeluarkan oleh peguamcara plaintif bertarikh 3 Ogos 2001.

[2] Menurut pernyataan tuntutan plaintif di ms 10 ikatan pliding (kandungan 38) tuntutan plaintif terhadap defendan pertama ialah bagi jumlah RM223,239.39 tersebut dan juga faedah serta kos. Menurut kandungan 38 itu juga (ms 11) tuntutan plaintif terhadap defendan kedua adalah seperti berikut:

(a) jumlah sebanyak RM49,284.94;

(b) faedah atas jumlah RM49,284.94 atas kadar 1.5 % sebulan sehingga penyelesaian penuh;

(c) jumlah sebanyak RM223,239.39 yang terhutang daripada defendan pertama kepada plaintif;

(d) faedah atas jumlah RM223,239.39 pada kadar 1.5 % sebulan sehingga penyelesaian penuh;

(e) kos.

[3] Sehubungan ini, satu lagi fakta yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak ialah bahawa plaintif telah memperolehi penghakiman ingkar terhadap defendan kedua. Ertinya, plaintif telah memperolehi penghakiman bagi jumlah RM223,239.39 tersebut terhadap defendan kedua.

[4] Perlu juga ditegaskan bahawa di permulaan perbicaraan kes ini, peguam defendan kedua memaklumkan kepada mahkamah bahawa setelah menimbangkan dokumen-dokumen yang telah difailkan, defendan pertama mengakui jumlah hutangnya dengan plaintif ialah RM223,239.39. Tetapi defendan pertama menegaskan bahawa berdasarkan kepada keadaan-keadaan kes ini, plaintif adalah diestop daripada memungut hutang itu. Jadi perbicaraan dalam kes ini telah dijalankan untuk membicarakan soal sama ada defendan pertama bertanggungan untuk membayar hutang tersebut (RM223,239.39) kepada plaintif.

HUJAH PEGUAM DEFENDAN PERTAMA

[5] Di dalam hujahnya peguam defendan pertama bergantung kepada penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Boustead Trading (1985)*

Sdn Bhd v Arab-Malaysia Merchant Bank Bhd [1995] 3 MLJ 331. Peguam defendan pertama berhujah bahawa dokumen yang penting dalam kes ini ialah surat plaintif kepada defendan kedua bertarikh 7 Ogos 2000 ('P3'), yang menurutnya hendaklah dinilai berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi dalam kes ini. Sehubungan ini peguam defendan pertama merujuk kepada keterangan Encik Mohd Bahrin bin Mohd Yunus, pengurus akaun plaintif ('SP1'), di dalam pemeriksaan balas di mana SP1 mengakui bahawa menurut fasal 1 dalam P3, hutang defendan pertama dibayar oleh defendan kedua. Menurut peguam defendan pertama, SP1 juga bersetuju bahawa di bawah fasal 7 dalam P3, defendan kedua akan memungut hutang yang kena dibayar oleh pelanggan-pelanggan kepada defendan pertama. Peguam plaintif berhujah bahawa berdasarkan kepada keterangan SP1 itu, terma-terma di dalam P3 menghendaki defendan pertama melepaskan haknya untuk memungut hutang-hutang yang kena dibayar kepadanya dan memberikan hak untuk memungut hutang tersebut kepada defendan kedua. Peguam defendan pertama berhujah bahawa dalam keadaan itu tidaklah boleh dikatakan bahawa defendan pertama tidak ada kena mengena dengan P3. Menurut peguam defendan pertama, walaupun P3 dialamatkan kepada defendan kedua, persetujuan defendan pertama kepada terma-terma dalam P3 semestinya telah diperolehi, termasuk fasal tentang hak defendan kedua memungut hutang defendan pertama. Menurut peguam defendan pertama, ini jelas daripada keterangan Encik Abdul Rashid bin Omar ('SD1').

[6] Peguam defendan pertama juga merujuk kepada keterangan SP1 di mana SP1 bersetuju bahawa selepas P3 dibuat, plaintif tidak lagi membekalkan produk-produk petrokimia kepada defendan pertama. Sebaliknya plaintif telah membekalkan produk-produk tersebut kepada defendan kedua. Seterusnya, peguam defendan pertama berhujah bahawa, dengan bergantung kepada P3, defendan pertama bersetuju membenarkan defendan kedua menggantikannya dan memungut apa-apa baki hutang yang kena dibayar kepadanya oleh pelanggan-pelanggannya, menyerahkan stok produk petrokimia yang masih ada dengannya kepada defendan kedua dan bersetuju bahawa plaintif membekalkan produk-produk petrokimia terus kepada defendan kedua, bukan melaluinya.

[7] Peguam defendan juga berhujah bahawa berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah dirujuknya itu, kalau pun *detriment to the representee* perlu dibuktikan untuk menimbulkan estopel, defendan pertama telah pun membuktikan unsur *detriment* tersebut. Menurut peguam defendan pertama, ini adalah kerana selepas perjanjian dalam P3 dibuat, defendan pertama tidak lagi berhak memungut hutang-hutangnya daripada pelanggan-pelanggan. Kedua, defendan pertama perlu menyerahkan baki stok produk petrokimia kepada defendan kedua dan ketiga, defendan

pertama tidak lagi dapat menjalankan perniagaan kerana plaintif akan membekalkan barang petrokimia terus kepada defendan kedua.

[8] Peguam defendan pertama juga berhujah bahawa untuk menyokong semua itu, dalam plidingnya, plaintif bukan sahaja menuntut wang RM223,239.39 itu daripada defendan pertama, tetapi juga daripada defendan kedua dan plaintif telah pun memperolehi penghakiman ingkar terhadap defendan kedua. Mengakhiri hujahnya peguam defendan menyatakan bahawa dalam keadaan sedemikian, adalah tidak adil bagi plaintif untuk menuntut wang RM223,239.39 itu daripada defendan kedua.

HUJAH PEGUAM PLAINTIF

[9] Memulakan hujahnya, peguam plaintif menyatakan bahawa dalam kes ini terdapat tiga perjanjian yang berasingan. Pertama, perjanjian tentang *high street distributor* di antara plaintif dan defendan pertama, dan berkaitan dengan perjanjian ini plaintif menuntut RM223,239.39 daripada defendan pertama. Menurut peguam plaintif, kemudian atas permintaan defendan kedua yang berhasrat untuk mengambil alih daripada defendan pertama sebagai *high street distributor* bagi produk-produk plaintif, plaintif telah bersetuju untuk memasuki satu perjanjian dengan defendan kedua ('P3'). Menurut peguam plaintif, sebagai balasan kepada perlantikannya sebagai high street distributor, defendan kedua bersetuju bahawa ia akan menyelesaikan kesemua hutang defendan pertama dengan plaintif (iaitu hutang semasa defendan pertama bertindak sebagai *high street distributor*), dan defendan kedua juga akan memungut hutang yang kena dibayar kepada defendan pertama oleh pelanggan-pelanggan. Menurut peguam plaintif, berikutan itu terdapat satu lagi perjanjian, iaitu perjanjian di antara defendan pertama dan defendan kedua, di mana atas permintaan plaintif, defendan pertama bersetuju untuk menyerahkan kesemua stok yang ada dalam simpanannya dan kesemua buku-buku kepada defendan kedua yang telah dilantik menjadi *high street distributor* yang baru.

[10] Peguam plaintif berhujah bahawa defendan pertama tidak terlibat dengan perjanjian di antara plaintif dan defendan kedua ini (P3). Peguam plaintif berhujah bahawa, di dalam pembelaannya, defendan pertama mahu mahkamah ini mengenakan terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian P3 itu kepadanya dan menikmati faedah daripada perjanjian itu, sedangkan ia bukan satu pihak kepada perjanjian itu. Peguam plaintif berhujah ini tidak boleh dilakukan dan untuk menyokong hujah tersebut peguam plaintif telah merujuk kepada kes *Tolhurst v Association Portland Cement Manufacturers (1900) Ltd* [1902] 2 KB 660.

[11] Menurut peguam plaintif, prinsip dalam kes tersebut telah diterima pakai dalam kes *Housing and Development Board v Lee Sem Yoong Sdn Bhd* [1987] 2 MLJ 204.

[12] Menjawab hujah peguam defendan pertama tentang prinsip estopel dan juga penggunaan kes *Boustead* sebagai autoriti, peguam plaintif berhujah bahawa defendan pertama tidak berjaya membuktikan sebarang *inducement* atau representasi daripada plaintif kepadanya. Menurut peguam plaintif, pendirian plaintif tentang kedudukan dan keberhutangan defendan pertama tidak pernah berubah. Menurutnya, ini jelas daripada surat-surat yang dihantar oleh plaintif kepada defendan pertama (P1, P10 dan P11). Menurut peguam plaintif, plaintif sentiasa menuntut daripada defendan pertama hutang yang dituntut oleh plaintif dalam pernyataan tuntutannya terhadap defendan kedua. Peguam plaintif berhujah bahawa defendan pertama tidak pernah memberikan respons kepada surat-surat yang dihantar oleh plaintif, dan SD1 dalam keterangannya tidak dapat memberikan penjelasan tentang kenapa tiada respons diberikan kepada surat-surat plaintif itu, atau kenapa tiada bantahan dibuat kepada plaintif. Peguam plaintif berhujah kesemua ini menunjukkan bahawa pembelaan estopel yang ditimbulkan oleh defendan adalah suatu yang difikirkan kemudian (afterthought). Menurut peguam plaintif, dalam kes ini, sepatutnya plaintif yang boleh menggunakan estopel terhadap defendan pertama kerana tidak pernah memberikan respons kepada surat-surat plaintif. Untuk menyokong hujah ini, peguam plaintif telah mengemukakan kes *Sykt Pakar Kayu & Perdagangan Sdn Bhd v MAA-SK Sdn Bhd* [1986] 1 CLJ 595.

[13] Peguam plaintif juga berhujah bahawa, sikap defendan pertama yang tidak memberi apa-apa respons atau membuat protes kepada surat plaintif juga hendaklah dilihat dari segi prinsip bahawa 'he who comes to equity must come with clean hands'. Kes *Lai Yoke Ngan & Anor v Chen Teck Kwee & Anor* [1997] 2 MLJ 565 telah dirujuk sebagai autoriti. Tentang penghakiman ingkar yang telah dimasukkan terhadap defendan kedua, peguam plaintif berhujah bahawa di bawah perjanjian P3, defendan kedua telah bersetuju untuk membayar hutang defendan pertama sebagai balasan kepada perlantikannya sebagai *high street distributor* dan oleh kerana defendan kedua tidak diwakili dalam mahkamah ini, maka tidaklah dapat diketahui kenapakah defendan kedua telah bersetuju sedemikian. Sehubungan ini, peguam plaintif juga berhujah bahawa mahkamah boleh membuat anggapan bahawa defendan kedua bersetuju untuk membayar RM223,239.39 itu sebagai balasan kepada perlantikannya sebagai *high street distributor*.

[14] Mengakhiri hujahnya, peguam plaintif menyatakan bahawa melihat kepada tiga perjanjian yang dinyatakan dalam hujahnya itu, kausa tindakan defendan pertama adalah terhadap defendan kedua. Menurut peguam

plaintif, plaintif tidak mempunyai pengetahuan tentang apa-apa persetujuan antara defendan pertama dan defendan kedua dan plaintif sentiasa mengekalkan pendiriannya bahawa hutang defendan pertama tidak pernah terhapus dengan perjanjian yang dibuat dalam P3.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH

[15] Di dalam kes *Boustead* Mahkamah Persekutuan telah menyatakan bahawa masanya telah tiba bagi mahkamah itu mengiktiraf bahawa doktrin estopel adalah prinsip yang fleksibal di mana keadilan dijalankan berdasarkan kepada keadaan-keadaan dalam sesuatu kes itu. Mahkamah Persekutuan juga menegaskan bahawa doktrin estopel itu luas pemakaiannya dan telah digunakan di dalam situasi-situasi faktual yang berbeza-beza untuk menjalankan keadilan. Sehubungan ini Mahkamah Persekutuan juga menyatakan bahawa keadaan-keadaan dalam mana doktrin tersebut beroperasi tiada penamatnya. Setelah menimbangkan autoriti-autoriti terdahulu tentang doktrin tersebut Mahkamah Persekutuan menyatakan di ms 347:

> Before we conclude on the law upon the subject at hand, there are two elements of the doctrine of estoppel which we think require clarification and restatement. The first concerns the effect which the representation or encouragement had upon the mind of the person relying upon the estoppel; the second has to do with the requirement that such a person should have acted to his detriment.
>
> The traditional view adopted by jurists of great learning is that a litigant who invokes the doctrine must prove that he was induced by the conduct of his opponent to act in a particular way. However, having undertaken a careful examination of the authorities, we are of opinion that this requirement is not an integral part of the doctrine. *All that a representee (which term includes one who has received encouragement in the sense we have discussed earlier) need do is to place sufficient material before a court from which an inference may fairly be drawn that he was influenced by his opponent's actings*. Further, it is not necessary that the conduct relied upon was the sole factor which influenced the representee. It is sufficient that 'his conduct was so influenced by the encouragement or representation... that it would be inconscionable for the representor thereafter to enforce his strict legal rights' (per Robert Goff J in *Amalgamated Investment* [1982] 1 QB 84 at p 105).
>
> Taking now the requirement of detriment, it is quite apparent that in the early development of the doctrine, there are to be found in the judgments of eminent judges statements indicating that one who relies upon an estoppel must prove that he relied upon his opponent's conduct and in consequence acted to his detriment. And this view had found its way into the equity jurisprudence of Malaysia (see for example *Wong Juat Eng v Then Thaw Eu & Anor* [1965] 2 MLJ 213). As has been seen, the former requirement, namely, that there ought to have been reliance was exploded by the decisions in *Amalgamated Investment*, in *Taylor Fashions*, in *Societe Italo-Belge (sub nom 'The Post Chaser')* and *Lim Teng Huan*.

A We take this opportunity to declare that the detriment element does not form part of the doctrine of estoppel. In other words, it is not an essential ingredient requiring proof before the doctrine may be invoked. *All that need be shown is that in the particular circumstances of a case, it would be unjust to permit the representor or encourager to insist upon his strict legal rights*. In the resolution of this issue, a judicial arbiter would, when making his assessment of where the justice of the case lies, be entitled to have regard to the conduct of the litigant raising the estoppel. This may, but need not in all cases, include the determination of the question as to whether the particular litigant had altered his position, although such alteration need not be to his detriment.

C (Penekanan ditambah.)

[16] Adakah doktrin estopel seperti yang dihuraikan oleh Mahkamah Persekutuan itu terpakai dalam kes ini?

D **[17]** Dalam kes ini tidak dapat dinafikan bahawa jumlah RM223,239.39 (yang diakui oleh defendan pertama kuantumnya), yang dituntut oleh plaintif daripada defendan pertama itu timbul perniagaan defendan pertama sebagai *high street distributor* setelah dilantik sedemikian oleh plaintif. Untuk menyelesaikan hutang defendan pertama itu, defendan kedua, melalui E pengarah urusannya ('SD1') telah mengemukakan cadangan kepada plaintif melalui surat bertarikh 6 Ogos 2000, ms 55 hingga 61 kandungan 39 ('P2'). Sebelum menjadi pengarah urusan defendan kedua, SD1 adalah rakan kongsi dalam defendan pertama.

F **[18]** Menurut SD1, tujuan defendan kedua ditubuhkan adalah untuk mengambil alih sepenuhnya daripada defendan pertama perniagaan sebagai *high street distributor* kepada plaintif. Di dalam surat bertarikh 6 Ogos 2000 itu, (ms 55 kandungan 39) defendan kedua menyatakan bahawa ia telah memutuskan untuk membayar, bagi pihak defendan pertama, hutang G defendan pertama kepada plaintif seperti yang telah dibincangkan dalam mesyuarat pada 3 Ogos 2000 di Kuala Terengganu. Ertinya, sebelum surat 6 Ogos 2000 dihantar bersama-sama cadangan kepada plaintif, telah ada perbincangan di antara plaintif dan defendan kedua pada 3 Ogos 2000.

H **[19]** Di dalam cadangan yang dikemukakan kepada plaintif itu, antara lainnya, defendan kedua memohon untuk menggantikan defendan pertama bagi menjalankan perniagaan sebagai *high street distributor* sebagaimana perjanjian yang telah dipersetujui di antara defendan pertama dan plaintif. I Dalam cadangan tersebut juga, defendan kedua menyatakan bahawa 'segala tanggungan hutang defendan pertama dan tanggungjawab pengedaran minyak shell pelincir akan ditanggung sepenuhnya oleh defendan kedua'.

[20] Plaintif telah memberikan jawapan kepada cadangan defendan kedua itu, dalam surat bertarikh 7 Ogos 2000 yang dialamatkan kepada defendan kedua ('P3'). Dalam P3 plaintif telah mengemukakan terma-terma untuk persetujuan defendan kedua. Melalui SD1, defendan kedua telah memberikan persetujuannya kepada terma-terma yang dikemukakan oleh plaintif dalam P3. SD1 telah menandatangani bagi pihak defendan kedua di bahagian 10 akhir P3 (ms 3 kandungan 40). Plaintif dan defendan kedua bersetuju bahawa P3 adalah perjanjian di antara plaintif dan defendan kedua, tentang pembayaran hutang defendan pertama oleh defendan kedua dan perlantikan defendan kedua sebagai high street distributor. Kandungan P3 adalah seperti berikut:

Re: HIJAZ LUBRICANT SDN BHD

We refer you our discussion last Thursday 3 August 2000, regarding the above subject, we are pleased to inform you that we have considered your proposal on the debt settlement plan for Hijrah Agency and your application to continue the Highstreet Distributor Business under Hijaz Lubricant Sdn Bhd. We value your partnership with us for 15 years, thus we hope the following conditions shall be met to salvage your problem and protect our Shell business in North Terengganu.

(1) To settle all Hijrah Agency debt to Shell on monthly progressive payment of RM15,000 and the balance to be paid thereafter by 31 December 2000 as per your proposal.

(2) The appointment of Hijaz Lubricant Sdn Bhd as Highstreet Distributor for a probation of six months with immediate effect.

(3) Hijaz Lubricant Sdn Bhd to agree the term and condition contained in the distributorship agreement.

(4) Failure to meet item 1 & 2 will automatically fail Hijaz Lubricant Sdn Bhd for the distributorship.

(5) Shell given the right to monitor the Hijaz Lubricant Sdn Bhd management.

(6) Payment of the salaries and commission of En Yusuf Abdul Rahman and En Hamzah PM Abu Bakar will paid directly by Shell to them and later debited to Hijaz Lubricant Sdn Bhd. RM900/month will be paid for En Yusuf and RM800/month for En Hamzah. Commission rate will be 3% on collection.

(7) Collection of payments in the market will now be paid into Hijaz Lubricant Sdn Bhd and settled with Hijrah Agency.

(8) Assignment of En Mohd Bahrin Mohd Yunus (Shell Executive) in the monitoring of the daily operations in terms of orders from Shell and

A orders by the bikeshop/workshop and collection. This arrangement is required during the probationary period to ensure Hijaz is fully operational.

(9) Allow us to install the Shell distributor software immediately and you are to provide the necessary hardware for this.

B

(10)Your QBD Target will be as follows:

Product Group	Q3/2000(Aug/Sept) (litres)	Q4/2000(Oct–Dec) (litres)
MCO	25,865	47,420
C GEO	3,447	6,319
DEP/OTHERS	2,180	3,270
TOTAL	31,492	57,009

D Meanwhile, should you require any clarification, please do not hesitate to contact us.

Assuring you of our best attention and services always.

Thank you.

E

[21] Peguam plaintif berhujah bahawa keseluruhan perkiraan dalam perjanjian P3 adalah tertakluk kepada 'strict compliance' oleh defendan kedua akan kesemua terma-terma dalam P3 dan bahawa defendan pertama hanya akan terlepas daripada liabilitinya bagi hutang tersebut selepas defendan kedua mematuhi kesemua terma-terma dalam perjanjian P3. Saya tidak dapat menerima hujah tersebut. Untuk meneruskan huraian selanjutnya, saya ingin menegaskan bahawa bagi saya syarat-syarat yang terkandung dalam P3 adalah cadangan balas plaintif terhadap cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh defendan kedua dalam P2 dan juga perbincangan di antara mereka pada 3 Ogos 2000. Cadangan balas itu merupakan kehendak, pendirian dan sikap plaintif yang disampaikan kepada defendan kedua [dan juga seperti yang akan saya huraikan nanti] ditujukan secara tidak langsung kepada defendan pertama. Bagi saya oleh kerana terma-terma dalam P3 itu merupakan kehendak, sikap dan pendirian plaintif, maka pengenaan terma-terma tersebut dalam P3 termasuk dalam ungkapan 'opponent's actings' dalam penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Boustead* apabila ia menyatakan (di ms 347):

F

G

H

All that a representive ... need do is to place sufficient material before a court from which an inference may fairly be drawn that he was influenced by his *opponent*'s actings.

I

[22] Berikutan itu soal seterusnya yang perlu diputuskan mahkamah ialah sama ada defendan pertama telah dipengaruhi oleh pelakuan plaintif itu untuk menimbulkan pemakaian doktrin estopel di sisi undang-undang. Ini akan saya huraikan dengan lebih lanjut kemudian. Kini saya berbalik kepada terma-terma dalam P3. Dalam mempertimbangkan kandungan P3, mahkamah hendaklah mempertimbangkan keterangan saksi plaintif sendiri ('SP1') tentang terma-terma dalam P3 itu. Walaupun P3 dialamatkan kepada defendan kedua, tidak dapat dinafikan bahawa P3 telah dibuat dengan tujuan untuk menyelesaikan hutang defendan pertama dengan plaintif. Selanjutnya perlu ditegaskan bahawa walaupun defendan pertama dan defendan kedua adalah dua entiti undang-undang yang berasingan, pada hakikatnya pemain utama dalam kedua-dua entiti itu adalah pemain yang sama. Hal ini memang diketahui oleh plaintif dan ini diakui oleh SP1 dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas. Dalam pemeriksaan balas peguam defendan pertama menyoal SP1 — 'Sekarang segala hasil yang kena dibayar kepada defendan pertama dikutip oleh defendan kedua seperti yang dikehendaki oleh plaintif. Bagaimana defendan pertama hendak menjalankan perniagaannya? Dalam jawapannya SP1 menyatakan: 'Pada hakikatnya orang yang sama menjalankan perniagaan tersebut — maksudnya Hj Rashid Omar'.

[23] Hj Rashid Omar ('SD1') adalah pengarah urusan defendan kedua dan juga rakan kongsi dalam defendan pertama. Dalam keadaan sedemikian, plaintif tidak boleh menyatakan bahawa apa yang dinyatakan dalam P3 adalah untuk perhatian defendan kedua sahaja kerana plaintif sedar dan mengetahui bahawa perhatian defendan kedua itu adalah juga perhatian defendan pertama. Malahan, dalam penghakiman saya, plaintif juga sedar dan mengetahui bahawa defendan pertama akan bergantung kepada P3.

[24] Dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas, SP1 mengakui bahawa menurut syarat pertama dalam P3, plaintif telah bersetuju bahawa kesemua hutang defendan pertama dibayar oleh defendan kedua. SP1 juga bersetuju bahawa dalam fasal 7 dalam P3, plaintif mengenakan syarat bahawa kesemua hutang yang kena dibayar oleh pelanggan-pelanggan defendan pertama hendaklah dikutip oleh defendan kedua. SP1 juga bersetuju bahawa syarat dalam fasal 7 itu adalah untuk membolehkan defendan kedua membayar hutang defendan pertama kepada plaintif. Dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas juga SP1 tidak bersetuju apabila peguam defendan pertama mencadangkan kepadanya bahawa, atas kehendak plaintif, defendan kedua mengambil alih perniagaan defendan pertama. Tidak berpuas hati dengan jawapan SP1 itu peguam defendan pertama telah menanya soalan, 'Jika plaintif telah mengenakan syarat bahawa segala hutang yang kena dibayar kepada defendan pertama oleh pelanggannya dikutip oleh defendan kedua, bukankah itu bermakna plaintif menghendaki perniagaan defendan pertama diambil alih oleh defendan kedua?'

[25] SP1 tidak menjawab soalan tersebut. Sebaliknya dia meminta penjelasan, 'Apa maksud ambil alih?'

[26] Soalan seterusnya oleh peguam defendan pertama berikutan dengan reaksi SP1 itu dan jawapan SP1 dapat dilihat dalam petikan dalam pemeriksaan balas SP1 seperti berikut:

S: Maksudnya, sekarang segala hasil yang kena dibayar kepada defendan pertama dikutip oleh defendan kedua seperti yang dikehendaki oleh plaintif. Bagaimana defendan pertama hendak menjalankan perniagaannya?

J: Pada hakikatnya orang yang sama menjalankan perniagaan.

[27] Jelas bahawa SP1 tidak memberikan jawapan secara langsung kepada soalan itu. Tetapi dalam pengamatan saya dengan jawapan sedemikian itu, SP1 secara tidak langsung menyatakan bahawa memang benar defendan pertama tidak dapat lagi menjalankan perniagaannya, tetapi tidak mengapa, kerana orang yang sama menjalankan perniagaan tersebut. Walaupun dalam keterangan lanjutnya dalam pemeriksaan balas, SP1 menafikan cadangan peguam defendan pertama bahawa secara efektifnya plaintif telah memindahkan perniagaan plaintif kepada defendan kedua, pada hemat saya hakikat sebenarnya jelas dengan berkuatkuasanya P3, defendan pertama tidak lagi boleh menjalankan perniagaan sebagai *high street distributor* kepada plaintif dan perniagaan itu telah dialihkan kepada defendan kedua. Kesimpulan ini disokong oleh keterangan SP1 dalam pemeriksaan balas apabila dia mengakui bahawa selepas P3 dibuat, plaintif tidak lagi memberi bekalan kepada defendan pertama, tetapi kepada defendan kedua. Kesimpulan itu juga disokong oleh keterangan SP1 apabila dia bersetuju dengan cadangan peguam defendan pertama bahawa, selepas P3 dibuat defendan pertama tidak dibenarkan langsung untuk menjual produk-produk plaintif. Dengan mengenakan syarat-syarat sedemikian dalam P3 (yang kemudiannya dipersetujui oleh defendan kedua) adakah adil bagi plaintif menuntut lagi wang RM223,239.39 itu daripada defendan pertama? Pada hemat saya jawapannya adalah 'tidak'.

[28] Saya menyedari hakikat bahawa tidak ada apa-apa dalam P3 yang secara nyata menyebut bahawa selepas P3 dibuat hutang defendan pertama terhapus. Tetapi, plaintif juga mesti menerima hakikat bahawa dalam P3 juga tidak dinyatakan bahawa P3 tidak menjejaskan hutang defendan pertama kepada plaintif. Sehubungan ini terma ketiga dalam P3 menyatakan:

> Failure to meet items 1 & 2 will automatically fail Hijaz Lubricant Sdn Bhd for the distributiorship.

[29] Ertinya, P3 memperuntukkan bahawa jika defendan kedua tidak menjelaskan hutang defendan pertama seperti yang diperuntukkan dalam fasal pertama dan jika defendan kedua gagal mematuhi peruntukan dalam fasal 2 tentang perlantikannya sebagai *high street distributor* secara percubaan selama enam bulan, maka ini akan menggagalkan perlantikan defendan kedua sebagai *high street distributor*. Adalah juga jelas bahawa P3 tidak menyatakan bahawa jika defendan kedua gagal mematuhi syarat pertama dan syarat kedua dalam P3, maka defendan kedua tidak lagi bertanggungjawab membayar hutang defendan pertama seperti yang diakujanji olehnya melalui fasal pertama.

[30] Dengan terma dalam P3 yang jelas memperuntukkan bahawa kesemua hutang defendan pertama akan dibayar oleh defendan kedua dan dengan wujudnya terma-terma dalam P3 yang membawa implikasi bahawa selepas P3 dibuat kesemua hutang yang kena dibayar oleh pelanggan-pelanggan defendan pertama hendaklah dikutip oleh defendan kedua, bahawa plaintif tidak lagi akan memberi bekalan kepada defendan pertama (tetapi kepada defendan kedua) dan bahawa defendan pertama tidak dibenarkan langsung untuk menjual produk-produk plaintif, tidakkah munasabah bagi defendan pertama untuk membuat anggapan bahawa selepas P3 dibuat kesemua hutangnya kepada plaintif telah diambil alih dan akan dibayar oleh defendan kedua? Bagi saya jawapan ialah adalah munasabah bagi defendan pertama untuk membuat anggapan sedemikian itu. Pada hemat saya anggapan tersebut telah memberikan galakan kepada defendan pertama untuk bersetuju melepaskan haknya untuk memungut hutangnya daripada pelanggan-pelanggannya dan memberikan hak tersebut kepada defendan kedua. Anggapan itulah juga yang telah membuatkan defendan pertama bersetuju untuk menyerahkan kepada defendan kedua segala stok serta buku-buku lejar dan invois tentang hutang jualan barang yang belum dikutip. Sehubungan ini seperti yang telah dijelaskan di bahagian lain dalam penghakiman ini, peguam plaintif berhujah bahawa defendan pertama tidak boleh menggunakan terma-terma dalam P3 dalam pembelaannya kerana defendan pertama bukan merupakan satu pihak kepada P3. Untuk menyokong hujahnya itu peguam plaintif telah merujuk kepada penghakiman Collin MR dalam kes *Tolhurst* di mana Yang Arif Hakim tersebut menyatakan di ms 668:

> It is, I think, quite clear that neither at law nor in equity could the burden of a contract be shifted off the shoulders of a contractor on to those of another without the consent of the contractee. A debtor cannot relieve himself of his liability to his creditor by assigning the burden of the obligation to some one else; this can only be brought about by the consent of all three, and involves the release of the original debtor.

[31] Daripada petikan itu adalah jelas bahawa apa yang penting ialah persetujuan daripada ketiga-tiga pihak diperolehi. Sehubungan ini dalam keterangannya dalam pemeriksaan semula, SD1 menyatakan bahawa semasa P3 dibuat dia adalah rakan kongsi defendan pertama dan juga pengarah urusan defendan kedua, dan apabila P3 diterima daripada plaintif, dia dan rakan kongsinya dalam defendan pertama telah mengadakan mesyuarat dan berikutan mesyuarat itu defendan pertama telah bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh plaintif dalam P3. Saya telah pun menghuraikan tentang peranan SD1 sebagai pemain utama dalam defendan pertama dan defendan kedua, walaupun kedua-dua defendan itu adalah dua entiti undang-undang yang berasingan. Setelah meneliti keseluruhan keterangan dalam kes ini saya membuat kesimpulan fakta bahawa pada hakikatnya P3 telah dibuat dengan persetujuan plaintif, defendan pertama dan defendan kedua.

[32] Peguam plaintif juga telah mempersoalkan mengapa defendan pertama tidak memberikan apa-apa respons kepada surat-surat tuntutan plaintif atau membuat protes terhadapnya. Dalam pengamatan saya, jawapan telah pun diberikan oleh SD1 dalam keterangannya dalam pemeriksaan balas:

J: Ya saya pernah lihat surat ini. Surat ini bertarikh 5 Januari 2001.

S: Jika defendan pertama menganggap bahawa hutangnya telah dilupuskan kenapa perkara itu tidak ditimbulkan kepada plaintif apabila defendan pertama menerima surat P1 ini?

J: Kami anggap ini sebagai hutang yang akan dijelaskan oleh defendan kedua. Saya setuju bahawa surat itu ditujukan kepada defendan pertama.

S: Selain daripada menuntut hutang, surat ini juga menamatkan distributorship defendan pertama, ini juga menimbulkan kejutan kepada awak?

J: Sebab saya beranggapan bahawa selepas perjanjian 7 Ogos 2000 (P3) segala bayaran dan kerugian akan diselesaikan oleh defendan kedua.

[33] Itulah jawapan dan pendirian defendan pertama — ia menganggap segala hutangnya akan dijelaskan oleh defendan kedua dan bahawa segala bayaran dan kerugian akan ditanggung atau diselesaikan oleh defendan kedua. Dalam pengamatan saya itu jugalah merupakan pendirian defendan pertama dalam pernyataan pembelaannya [lihat muka surat 23 kandungan 38].

[34] Akhirnya, setelah menimbangkan kesemua keterangan yang telah dikemukakan dalam kes ini, saya memutuskan bahawa defendan pertama telah mengemukakan keterangan yang membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa ia telah dipengaruhi untuk memberikan persetujuan kepada P3 dan bertindak atas anggapan bahawa hutangnya kepada plaintif telah diambil alih dan dibayar oleh defendan kedua. Pada hemat saya dalam keadaan sedemikian adalah tidak adil plaintif [yang juga telah pun memperolehi penghakiman bagi hutang itu daripada defendan kedua] dibenarkan untuk menghendaki defendan pertama membayar hutang itu.

[35] Atas alasan-alasan yang tersebut itu, tuntutan plaintif terhadap defendan pertama ditolak dengan kos.

Tuntutan ditolak dengan kos.

Reported by Chew Phye Ken